

Ruj. Kami : (8.00) (01.00) 96/1-3/(69)
Tarikh : 24 Februari 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sabah

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAA MALAYSIA SABAH
BILANGAN 5 TAHUN 1997**

PENGUNAAN WARAN PERJALANAN UDARA

Adalah saya dongan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pejabat ini mendapati ada di kalangan pegawai dan kakitangan awam Persekutuan di Sabah yang telah menyalahgunakan penggunaan waran perjalanan udara yang dikeluarkan oleh Kerajaan sama ada untuk tujuan bertugas rasmi atau kerdahan tambang rnengunjungi wilayah asal di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/1987. Penyalahgunaan yang dimaksudkan sebagai contoh adalah dengan melakukan pengubahsuaian terhadap taraf dan sektor penerbangan yang tercatat pada waran dengan agen-agen pelancongan, antaranya seperti berikut:

2.1. Mengubah Taraf Kelas Penerbangan

Terdapat kes dimana pegawai/kakitangan awam Persekutuan telah mengubah taraf kelas pertama (First Class) atau kelas ekonomi (Economy Class) waran tersebut kepada kelas yang lebih rendah, misalnya kelas pelancong Tourist/Excursionist Class) untuk kepentingan peribadi ;

2.2. Mengubah Sektor Penerbangan

Lanjutan daripada kes 2.1. di atas, terdapat kes dimana pegawai/kewangan awam Persekutuan telah mengubah sektor penerbangan berlainan daripada sektor asal yang tercatat pada waran misalnya, sektor Kota Kinabalu - Kuala Lumpur (pergi balik) diubah kepada sektor Kota Kinabalu - Kuala Lumpur - Alor Setar (pergi balik);

2.3. Mengubah Wang Tunai

Selain daripada itu, terdapat juga dimana pegawai/kakitangan awam Persekutuan telah menuntut wang tunai daripada baki tambang waran penerbangan yang telah diturunkan taraf tersebut.

3. Sehubungan dengan ini, pejabat ini ingin menegaskan bahawa tindakan yang sedemikian adalah menyalahi peraturan dan etika perkhidmatan awam. Amalan-amalan tersebut perlulah dihentikan dengan serta merta. Sebarang pindaan kepada kelas dan sektor penerbangan selain daripada yang tercatat pada waran perjalanan udara yang asal adalah tidak dibenarkan. Sehubungan dengan itu, pegawai/kakitangan awam Persekutuan di Sabah adalah diingatkan supaya merancang perjalanan yang melibatkan waran perjalanan udara dengan lebih teliti untuk mengelakkan berlakunya kesulitan yang tidak diingini

4. Adalah diharapkan semua Ketua Jabatan dan Ketua Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani masalah ini. Di atas perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.